



POLISI ANTI RASUAH

METROLOGY CORPORATION MALAYSIA SDN. BHD.

Pindaan 1 / 11.09.2019



PENYATAAN POLISI

Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd (MCM) menjadikan dasar dan matlamat untuk melaksanakan perkhidmatan penentusahan semua alat timbang dan sukat dengan betul, jujur dan beretika serta mempertingkatkan kecekapan dari masa ke semasa. MCM mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan komited untuk:-

1. Memerangi rasuah dan mengekalkan persekitaran kerja bebas rasuah bagi semua warga kerja dan pihak berkepentingan;
2. Memenuhi keperluan pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR)– ISO 37001:2016 Anti Bribery Management System (ABMS);
3. Menegakkan semua undang-undang yang berkaitan termasuklah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (& Pindaan 2019), Akta Timbang dan Sukat 1972, peraturan-peraturan, prosedur-prosedur dan lain-lain arahan yang relevan untuk menangani rasuah dalam semua bidang kuasa Syarikat di mana-mana ia beroperasi;
4. Mewujudkan proses yang boleh mengenalpasti, menganalisa, mencegah dan melaksana bagi mencapai objektif SPAR;
5. Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan berkenaan aktiviti berunsur rasuah menerusi Polisi Pemberitahuan Maklumat (*Whistleblowing Policy*);
6. Mengadakan Polisi Hadiah dan Hospitaliti yang bertujuan untuk mengawal elemen-elemen rasuah dalam pemberian dan penerimaan hadiah dan hospitaliti;
7. Memastikan agar Unit Integriti MCM bertindak secara berkecuali dan bertanggungjawab mengawalselia isu-isu integriti dan rasuah;
8. Mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas mana-mana warga MCM yang didapati tidak mematuhi polisi-polisi anti rasuah yang berkaitan; dan
9. Memastikan penilaian semula dan penambahbaikan SPAR dilaksanakan secara berterusan.

IBRAHIM HAMZAH
PENGERUSI EKSEKUTIF
METROLOGY CORPORATION MALAYSIA SDN. BHD.
11 September 2019



SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua warga MCM termasuk ahli lembaga pengarah, pihak berkepentingan dan juga mana-mana pihak yang terlibat dalam semua aktiviti dan urusan Syarikat secara langsung dan tidak langsung.

DEFINISI

Hadiah	Wang, harta alih atau tidak alih, kenderaan, saham, tiket perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai diberi kepada atau diterima oleh pegawai, pasangannya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, secara tanpa atau kurang pertimbangan seseorang tersebut.
Konflik Kepentingan	Berlaku apabila seseorang individu atau organisasi terlibat dalam pelbagai kepentingan, salah satu di antaranya mungkin dapat merosakkan, atau dirasakan sebagai rasuah/suapan motivasi untuk melakukan sesuatu yang lain.
Kickback	Suapan untuk mendapatkan kelebihan yang tidak wajar, di mana sebahagian daripada kelebihan yang tidak wajar adalah 'ditandang dan disokong kembali' kepada orang yang memberi, atau sepatutnya memberikan kelebihan yang tidak wajar.
Pekerja	Semua orang yang bekerja di semua peringkat termasuk ahli lembaga pengarah, pegawai (sama ada tetap, kontrak atau sementara), penasihat, perunding, kontraktor, pelatih dan kakitangan agensi, sukarelawan, penaja, atau mana-mana orang lain yang berkaitan dengan MCM, atau mana-mana syarikat atau usahasama atau pekerja mereka, di mana sahaja mereka berada.
Pembayaran Fasilitasi	Pembayaran kecil dibuat dengan tujuan mempercepatkan atau memudahkan tindakan oleh Pegawai Awam bagi melaksanakan tindakan rutin kerajaan sebagai pertukaran untuk menyediakan perkhidmatan yang mana haknya yang sah tanpa pembayaran sedemikian.
Penajaan	Perkongsian dengan organisasi luaran untuk memberikan manfaat bersama melalui pertukaran wang, produk, perkhidmatan, kandungan atau harta intelektual lain.
Pihak Ketiga	Mana-mana individu atau organisasi yang dihubungi atau berurusan dengan pihak MCM semasa waktu kerja atau luar waktu kerja; termasuk para pelanggan, pembekal, rakan niaga, badan kerajaan/awam, wakil, ahli politik dan parti politik.
Rasuah	Menawarkan, menjanjikan, memberi, menerima atau meminta imbuhan yang tidak wajar dari apa-apa nilai (sama ada dari segi kewangan atau bukan kewangan), secara langsung atau tidak langsung, dan tanpa mengira lokasi, yang melanggar undang-undang, sebagai dorongan atau ganjaran untuk seseorang bertindak atau tidak bertindak terhadap tugas seseorang tersebut.
Sumbangan	Hadiah, sumbangan, langganan, pemberian, geran, tawaran, ganjaran, hibah atau sumbangan lain yang istimewa yang boleh dianggap oleh pihak ketiga, untuk tujuan rasuah walaupun pemberi atau penerima tidak bermaksud untuk tujuan ini. Ia boleh termasuk memberi atau menyediakan wang tunai, tempat, peralatan, masa atau faedah lain.




PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) memperuntukkan kesalahan rasuah :

Menawar, memberi, meminta atau menerima



Perbuatan sama ada menawar, memberi, meminta atau menerima seperti wang, hadiah, perkhidmatan, upah dan sebagainya sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan bidang tugas individu tersebut.



Dibawah Seksyen 24 Akta SPRM 2009, Sabit kesalahan boleh dikenakan:



KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 16, 17, 21 & 23	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.
Seksyen 161 Kanun Keseksaan (Akta 574)	Penjara sehingga 3 tahun atau denda kedua-duanya
Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574)	Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya

Tuntutan Palsu



Seseorang individu menggunakan atau mengemukakan apa-apa tuntutan yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya (majikan/jabatan).

Seksyen 18

Mengemukakan tuntutan palsu



Dibawah Seksyen 24 Akta SPRM 2009, Sabit kesalahan boleh dikenakan:

KESALAHAN

HUKUMAN

Seksyen 18

Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai butirmatan yang palsu atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Seksyen 465 Kanun Keseksaan (Akta 574)

Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya

Pendedahan Maklumat



Seorang individu yang memperolehi sesuatu maklumat rasmi Syarikat telah mendedahkan maklumat tersebut kepada pihak lain yang tidak sepatutnya menerima atau mengetahui maklumat itu.

Seorang individu yang menerima maklumat rasmi Syarikat yang telah didedahkan seterusnya mendedahkannya pula kepada pihak lain yang tidak sepatutnya menerima atau mengetahui maklumat itu (viral).

Sabit kesalahan boleh dikenakan:

KESALAHAN

HUKUMAN



Seksyen 203A Kanun Keseksaan (Akta 574)

Denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara sehingga 1 tahun atau kedua-duanya





POLISI HADIAH & HOSPITALITI

1. Pekerja MCM tidak boleh menerima apa jua bentuk sogokan, hadiah atau ganjaran dari mana-mana pihak. Pekerja MCM tidak boleh menerima apa jua bentuk yang dianggap boleh mempengaruhi keputusan atau pertimbangan untuk MCM. 
2. Pekerja MCM juga tidak boleh memberi hadiah, pinjaman atau faedah lain kepada pelanggan (atau wakil pelanggan) atau bakal pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan atau urusan perniagaan yang menguntungkan daripada pelanggan. 
3. Pekerja MCM tidak boleh meminta atau tidak menerima hadiah bagi pihak Syarikat atau mana-mana kumpulan atau unit lain dari syarikat lain seperti latihan atau penajaan sebarang acara sukan atau acara amal. Ini termasuk permintaan untuk penajaan untuk sebarang tujuan.
4. Secara prinsipnya, semua pekerja MCM dilarang meletakkan diri dalam keadaan terhutang budi dan berkompromi dalam apa jua urusan perniagaan. Oleh itu, semua pekerja MCM tidak boleh menerima hadiah daripada semua vendor, pembekal, kontraktor, pengedar, perunding, dan lain-lain pihak ketiga yang mungkin mempengaruhi atau dianggap boleh mempengaruhi sesuatu keputusan yang dibuat. Sebarang keputusan tidak boleh memudaratkan pihak syarikat atau berdasarkan kepentingan diri, pilihan, khabar angin atau tekanan yang tidak berpatutan dari mana – mana pihak.
5. MCM menerima dan menghargai amalan pemberian hadiah perniagaan sekiranya ia adalah di antara negara, rantau atau sektor dan apa-apa yang dirasakan normal dan boleh diterima. Penilaian akan dilakukan bagi memastikan sama ada mengikut situasi bahawa hadiah ataupun perhotelan adalah munasabah, wajar dan bersesuaian. Niat di belakang hadiah itu harus dipertimbangkan.

PEMBAYARAN FASILITASI & 'KICKBACK'



Adalah menjadi dasar kepada MCM untuk tidak membenarkan, tidak membuat, dan tidak akan menerima Pembayaran Fasilitasi, 'Kickback' atau apa-apa sogokan dari mana-mana pihak dan di mana-mana sahaja di dalam apa-apa urusan yang melibatkan Syarikat.

TANGGUNGJAWAB SEMUA

1. Seseorang itu (atau wakil bagi pihaknya) yang berurusan dengan syarikat tidak boleh:
 - a) memberi, berjanji untuk memberi, atau menawarkan, pembayaran, hadiah atau perhotelan dengan harapan bahawa kelebihan perniagaan akan diterima, atau untuk memberi ganjaran keuntungan perniagaan yang telah diberikan;
 - b) mengancam atau membalas kepada seseorang lain yang enggan melakukan kesalahan rasuah atau yang telah menimbulkan kebimbangan di bawah polisi ini; atau
 - c) terlibat dalam sebarang aktiviti yang mungkin membawa kepada pelanggaran dasar ini atau dianggap melanggar dasar ini.
2. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pekerja MCM untuk memastikan bahawa semua akaun, invois, memorandum dan dokumen dan rekod lain yang berkaitan dengan urusan dengan Pihak Ketiga hendaklah disediakan selengkapnya (ketepatan dan kesempurnaan) yang dikawal ketat. Setiap transaksi mesti direkodkan.

3. Setiap pekerja MCM mesti mengisytiharkan dan menyimpan rekod bertulis mengenai yang diterima atau ditawarkan untuk semua Hadiah & Hospitaliti mengikut amalan Syarikat, dan ia akan tertakluk kepada semakan dan kebenaran dari pihak Pengurusan Atasan.
4. Setiap pekerja MCM mesti memastikan semua tuntutan perbelanjaan yang berkaitan dengan Hadiah & Hospitaliti atau perbelanjaan yang dilakukan kepada Pihak Ketiga dikemukakan mengikut dasar perbelanjaan Syarikat dan kelulusan pihak Pengurusan Atasan. Perbelanjaan tersebut hendaklah direkodkan.
5. Pencegahan, pengesanan dan pelaporan apa-apa bentuk Rasuah atau Suapan adalah tanggungjawab semua Pekerja MCM. Sekiranya mana-mana Pekerja MCM atau yang berurusan dengan Syarikat ditawarkan rasuah, yang mungkin akan berlaku pada masa sekarang atau akan datang, atau dia boleh menjadi mangsa sesuatu aktiviti yang menyalahi undang-undang, maka hendaklah dia melaporkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif ataupun Pengurus/Pegawai Unit Integriti dengan segera.
6. Semua Pekerja MCM mempunyai tanggungjawab untuk membaca, memahami dan mematuhi dasar ini. Pekerja MCM harus pada setiap masa, elakkan diri dari sebarang aktiviti yang mungkin menyebabkan berlakunya pelanggaran kepada polisi ini.
7. Mana-mana Pekerja MCM yang melanggar polisi ini akan menghadapi tindakan tatatertib, yang boleh mengakibatkan pemecatan kerana salah laku tersebut.
8. Polisi ini hendaklah dibaca bersama bersama Polisi Hadiah & Hospitaliti MCM, Polisi Pemberitahuan Maklumat MCM (*Whistleblowing Policy*), Peraturan dan Prosedur Tatatertib MCM dan Manual Arahan Kewangan dan Arahan Kerja MCM.
9. Pekerja MCM digalakkan untuk melaporkan apa-apa kecurigaan, penyelewengan pada peringkat awal, melalui mekanisme atau prosedur pelaporan yang telah disediakan.

POLISI 'WHISTLEBLOWING' (PEMBERITAHUAN MAKLUMAT)



Perlindungan sewajarnya akan diberi kepada Pekerja MCM atau sesiapa sahaja yang memberi laporan atau maklumat terhadap cubaan rasuah atau perlakuan rasuah. Pelapor hendaklah melaporkan perihal tersebut dengan sukarela dan suci hati bahwa mereka mengesyaki berlakunya kecenderungan rasuah atau berlakunya rasuah sebenar ataupun kesalahan rasuah yang lain atau mungkin kebimbangan berlaku pada masa akan datang.

KOMITMEN SYARIKAT

Lembaga Pengarah MCM mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk memastikan dasar ini mematuhi kewajipan undang-undang dan etika Syarikat, dan semua yang berada di bawah kawalan Syarikat wajib mematuhi.

Pengurus Integriti mempunyai tanggungjawab utama untuk melaksanakan dasar Polisi ini dan untuk memantau penggunaan dan keberkesannya.

Pengurusan di semua/setiap peringkat bertanggungjawab untuk memastikan setiap pegawai/pekerja di bawah kawalseliaannya diberitahu dan memahami dasar Polisi ini disamping memberi latihan kesedaran yang mencukupi dari masa ke semasa. Latihan juga boleh diberikan kepada semua yang berurusan dengan MCM sekiranya perlu.

LATIHAN & KOMUNIKASI

Semua pekerja akan menerima latihan kesedaran yang kerap berkenaan cara melaksanakan dan mematuhi Polisi ini.

Pendekatan toleransi sifar MCM terhadap rasuah mesti disampaikan kepada semua kakitangan dan sesiapa jua yang berurusan dengan Syarikat, termasuklah Pihak Ketiga.

PEMANTAUAN

Pengurus Integriti akan memantau keberkesanan dan mengkaji semula dari masa ke semasa pelaksanaan Polisi ini, serta mempertimbangkan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanannya. Sebarang penambahbaikan yang dikenalpasti akan dibuat secepat mungkin.

Sistem dan prosedur kawalan dalaman akan tertakluk kepada audit dalaman bagi memberi jaminan bahawa ia adalah berkesan. Pengurus Unit Integriti akan melaporkan kepada Pengerusi Eksekutif sekurang-kurangnya sekali setahun mengenai penggunaan Polisi ini.

PENERBITAN POLISI

Polisi ini akan dipaparkan di laman web MCM di www.metrology.com.my

BENDERA MERAH



Berikut adalah senarai kemungkinan bendera merah yang mungkin timbul semasa berurusan dengan aktiviti-aktiviti Syarikat. Sekiranya ada mana-mana individu ataupun kumpulan individu yang menghadapi mana-mana bendera merah semasa bekerja untuk MCM, hendaklah dia atau kumpulan itu melaporkannya dengan kadar segera kepada Pengurus Unit Integriti/Pegawai Integriti. Senarai bendera merah berikut bertujuan sebagai ilustrasi sahaja; dan tidak terhad kepada mana-mana situasi:

- a) sedar bahawa Pihak Ketiga terlibat dalam, atau telah dituduh terlibat dalam, amalan perniagaan yang tidak wajar;
- b) jika Pihak Ketiga enggan mendedahkan maklumat apabila diminta;
- c) didapati bahawa Pihak Ketiga mempunyai reputasi merasuah, atau menerima rasuah;
- d) permintaan Pihak Ketiga untuk membayar secara tunai dan/atau enggan menandatangani suatu perjanjian rasmi atau bayaran fi, atau untuk memberikan invois atau resit untuk pembayaran yang dibuat;
- e) permintaan Pihak Ketiga untuk membuat/menerima bayaran di suatu lokasi yang berlainan dari tempat urusan perniagaan dijalankan;
- f) Pihak Ketiga meminta/menawar bayaran atau komisyen tambahan untuk 'memudahkan' perkhidmatan;
- g) Pihak Ketiga menuntut/memberi/menawar hadiah, jemputan atau hospitaliti yang mewah sebelum/selepas perkhidmatan diberi;
- h) Pihak Ketiga meminta/menawar pembayaran dibuat untuk merahsiakan pelanggaran undang-undang/peraturan, prosedur dan lain-lain;
- i) permintaan Pihak Ketiga untuk diberikan pekerjaan atau kelebihan lain kepada rakan atau saudara;

- j) menerima/memberi invois daripada Pihak Ketiga yang dilihat tidak mencapai kehendak-kehendak kerja/tahap/standard atau tidak sesuai;
- k) Pihak Ketiga enggan membuat terma yang dipersetujui secara bertulis;
- l) mendapati bahawa mana-mana invois untuk bayaran yang tidak sesuai dibandingkan dengan perkhidmatan yang diberikan;
- m) permintaan Pihak Ketiga bagi penggunaan perunding, pengedar atau pembekal yang tidak biasa digunakan atau diketahui ataupun mempunyai rekod yang diragui oleh Syarikat; atau
- n) ditawarkan hadiah yang luar biasa atau memberikan layanan yang mewah oleh Pihak Ketiga.



PENGISYTIHARAN & AKUR JANJI

Saya _____,
no. Kad pengenalan _____ mengetahui bahawa saya telah membaca,
memahami dan bersetuju untuk **mematuhi Polisi Anti Rasuah MCM** ini dan juga
kehendak-kehendak serta peruntukan-peruntukan dan undang-undang pencegahan rasuah
yang termaktub dalam negara ini.

Tandatangan : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Disaksikan oleh,

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____